

Airod tandatangani MoU jayakan kerjasama dengan BAE

UM 1 - OCT 2003

LANGKAWI 30 Sept. — Airod Sdn. Bhd. (Airod) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam usaha menjayakan kerjasama strategik dengan BAE Systems Operations Limited (BAE), bagi membangunkan pusat penyelenggaraan, pembaikan dan pemuliharaan milik syarikat itu.

Selain bertujuan mengeratkan hubungan kerjasama perniagaan antara Malaysia dan Britain, MoU tersebut dilihat akan turut akan memberi peluang kepada Airod untuk memperluas-

kan industri aeroangkasa memabitkan negara ini.

Perjanjian itu juga akan membolehkan kedua-dua syarikat terbabit bekerjasama dalam mereka bentuk, membangun dan menawarkan pelbagai produk sokongan kepada usaha pengubahsuaian pesawat HAWK, milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Majlis menandatangani perjanjian antara Airod yang diwakili oleh Presidennya, Tan Sri Dr. Ahmad Johan dan wakil da-

ripada BAE, Charles Masfield itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ia diadakan sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2003 yang bermula hari ini sehingga 5 Oktober ini.

Dalam perkembangan yang sama, Perdana Menteri turut melancarkan logo dan nama baru Aerospace Industries kepada Industri Aeroangkasa dan Pertahanan Nasional (NADI).

NADI yang ditubuhkan sejak 1983 adalah syarikat induk Airod dan pelancaran identiti baru itu menandakan industri aeroangkasa dan pertahanan negara kini sedang melalui proses penggabungan dan bersedia ke arah pencapaian lebih kukuh di arena antarabangsa.

Pada majlis tersebut Airod juga menandatangani MoU dengan pihak berkuasa Indonesia bagi tujuan pembelian dua buah helikopter M-I 171 buatan Rusia untuk kegunaan negara berkenaan.